

BAB IV

PEMBAIKKAN TARAF HIDUP DAN KEADAAN PEKERJAAN BURUH

Bab ini akan membincangkan aktiviti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dalam memelihara dan memajukan hak-hak asasi seperti yang tercatit di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948 yang bertujuan membaiki taraf hidup dan keadaan pekerjaan buruh.

UPAH (WAGES)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah bekerja dengan giatnya di bidang ini sejak tahun 1955. Ini telah ditegaskan oleh Pengurus Agung Pertubuhan itu didalam lapurannya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).⁽¹⁾ Di dalam lapuran itu juga ditegaskan bahawa sistem dan polisi upah di wilayah-wilayah bukan metropolitan telah dikaji oleh Majlis Pakar-Pakar keatas Polisi Sosial di dalam wilayah-wilayah bukan metropolitan di dalam sessinya yang ke empat di Dakar pada bulan Disember tahun 1955.

Jawatankuasa mengenai Kerja di Ladang (Committee on Work on Plantation) juga telah mengkaji sistem upah di Persidangan tahunannya yang ke tiga di Geneva pada tahun 1955. Jawatankuasa tersebut telah mengkaji cara yang sesuai yang boleh digunakan bagi menstabilkan pekerjaan dan upah pekerjaan di dalam perusahaan pertanian. Di

(1) Lihat Lapuran Ke sembilan - Geneva (Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa) 1955 m.s. 33

dalam Perjumpaan Tripartite mengenai perlambangan yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan kerajaan, majikan dan pekerja pada tahun 1957 masaalah mengenai penentuan upah dan perlindungan telah dibincangkan.

Masaalah yang melibatkan perbandingan upah antarabangsa (International Comparison of wages) telah dibincangkan oleh Pejabat Buruh Antarabangsa di dalam Persidangan mengenai Perangkaan Buruh (statistical labour) yang diadakan pada tahun 1954.⁽²⁾ Persidangan tersebut telah mengambil kata sepakat bahawa upah sebenar (real wages) adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi taraf hidup buruh. Persidangan itu telah mengalami kesulitan di dalam membuat perbandingan upah sebenar di sebabkan kurangnya data mengenai upah, harga barang-barang dan penggunaan barang-barang. Satu resolusi telah diluluskan oleh persidangan tersebut. Di dalam resolusi itu makna upah sebenar telah diberi iaitu upah yang diberikan mestilah termasuk pendapatan untuk faedah sosial. Resolusi di atas telah disemak semula pada tahun 1955, ia telah diterbitkan dan diberikan kepada negara-negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).

Di dalam persidangan antarabangsa mengenai Perangkaan Buruh pada tahun 1953 penumpuan telah diberikan kepada negara-negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).

(2) Opcit., m.s. 36

Di dalam persidangan antarabangsa mengenai Perangkaan Buruh pada tahun 1953 penumpuan telah diberikan terhadap perlunya pemereksaan yang teliti terhadap masaalah yang berbangkit dari kehidupan keluarga (family living). Hasilnya satu lapuran telah disiapkan pada tahun 1954⁽³⁾ oleh Jawatankuasa Pakar-Pakar mengenai Definasi Antara-bangsa dan Ukuran Taraf Hidup (Committee of Experts on International Definition and Measurement of Standard of Living). Jawatankuasa di atas ditubuhkan bersama oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Pertubuhan Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan PBB (UNESCO). Pada tahun berikutnya (1955) sekumpulan pakar-pakar di dalam kajian kehidupan keluarga telah pergi ke Geneva untuk bersidang. Mereka telah membuat syor yang penting yang boleh digunakan di dalam membuat kajian di bidang ini.

Berikut dengan Resolusi 585 (F) Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bertemu di Geneva pada tahun 1955. Di sana pakar-pakar dari kedua pertubuhan itu telah membincangkan masaalah upah pekerja dan masaalah taraf hidup keluarga pekerja-pekerja. Di dalam pertemuan

(3) Report on International Definition and Measurement of Levels of Living. United Nation, New York 1954
(Document E/CN.3/179 : E/CN.5?299)

tersebut wakil dari Pertubuhan Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan PBB (UNESCO) dan wakil dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga turut hadhir dan mengambil bahagian.

Bantuan teknik yang diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di dalam tahun 1950an kepada negara-negara Asia adalah berkitan dengan masaalah upah, contohnya bantuan yang diberikan kepada Burma pada tahun 1953.⁽⁴⁾ Harilnya pada tahun itu, atas nasihat seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) Akta Umur Minima Burma telah diluluskan. Pada tahun 1956 sekali lagi pakar-pakar telah dihantar ke Burma untuk menolong menubuhkan Majlis-Upah (Wages Council) di dalam perusahaan padi dan beras di negara itu.

KESELAMATAN SOSIAL

Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948 menjamin tiap-tiap orang pekerja untuk mendapat perlindungan sosial⁽⁵⁾ dan menikmati perkhidmatan sosial.⁽⁶⁾ Ini bermakna tiap-tiap majikan mesti memberi perkhidmatan sosial dan perlindungan sosial kepada pekerja mereka bukan sahaja di dalam masa pekerjaan tetapi juga di luar masa pekerjaan.

(4) Lihat Lapuran Ke lapan Pengurus Agung PBA Kepada PBB - Geneva 1954. m.s. 76

(5) Artikel 23 (3)

(6) Artikel 25 (1)

Umpamanya dengan memberi jaminan gaji ketika pekerjaan sakit, ketika mereka mendapat kemalangan semasa pekerjaan dan perlindungan daripada penyakit akibat pekerjaan seperti penyinaran (radiation). Perkara-perkara yang di atas itulah yang dimaksudkan dengan keselamatan sosial.⁽⁷⁾

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) memainkan peranan yang penting di dalam bidang keselamatan sosial selaras dengan tujuannya untuk melindungi para pekerja terutamanya buruh seperti yang terkandung di dalam perlembagaannya.⁽⁸⁾

Pada tahun 1952, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah mengadakan Konvensyen Keselamatan Sosial (Piawai Minima) (No. 102). Konvensyen ini disamping menetapkan prinsip seperti di dalam Artikel 23 dan 25 perisyiharaan Hak Asasi Manusia 1948 juga telah memasukkan perkara elaun keluarga (family allowances) sebagai satu aspek keselamatan sosial. Konvensyen ini juga telah memberi prinsip-prinsip untuk meluaskan lagi bidang sistem keselamatan sosial iaitu dengan membuat perbezaan terhadap tiga kategori perlindungan. Iaitu perlindungan terhadap orang yang bekerja, perlindungan terhadap penduduk yang aktif (active population) dan perlindungan kepada semua penduduk secara

(7) Lihat: Lapuran Pengurus Agung PBA Kepada PBB (1952 - 1953) dan Definasi yang diberi oleh Konvensyen Keselamatan Sosial (Piawai Minima) 1952.

(8) Lihat: Preamble Perlembagaan PBA

keseluruhan. (9)

Matlamat utama Konvensyen di atas ialah untuk memberi satu Piawai mengenai asas perlindungan kepada pekerja yang boleh diterima di perengkat antarabangsa. (10)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah membuat satu siri kajian terhadap kos keselamatan sosial di sepanjang tahun 1958. (11) Kajian tersebut dibuat dengan cara mengumpulkan data mengenai perbelanjaan ke atas skim keselamatan sosial di dalam negara-negara anggota dari tahun 1950 hingga tahun 1954. Sejak pertubuhan itu membuat kajian tersebut banyak lagi negara-negara anggota telah melancarkan skim keselamatan sosial.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga pada tahun 1958, telah mengkaji sistem keselamatan sosial yang diamalkan oleh kerajaan-kerajaan, pertubuhan majikan dan pertubuhan pekerja. Jawatankuasa Pakar-pakar keatas Keselamatan Sosial telah mengadakan persidangan mengenai perkara di atas pada tahun 1959 di Geneva. Jawatankuasa di atas juga disamping membincangkan perkara yang di atas, telah membincangkan tentang kemungkinan mengkaji semula persidangan-persidangan

(9) Lihat: International Labour Review: "Reflection on Fifty Years of Social Security - Geneva" Published by International Labour Office 99 (1969) m.s. 249

(10) Opcit., m.s. 250

(11) International Labour Review: "The Cost of Social Security" Geneva: Published by International Labour Office - 1959

keselamatan sosial yang telah diadakan sebelum perang dunia ke dua.

Persidangan pakar-pakar tersebut juga telah memberikan kesimpulan iaitu pertubuhan majikan tidak mengadakan skim keselamatan sosial yang memuaskan kepada pekerja-pekerja. Oleh itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menyeru semua pertubuhan tersebut supaya mengambil berat tentang keadaan pekerja-pekerja mereka selaras dengan natlamat Konvensyen Keselamatan Sosial (Piawai Minima) 1952 (No. 102).

Contoh bantuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di bidang ini ialah bantuan yang diberikan kepada Turki pada tahun 1959. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah mengasaskan penubuhan Institute Insuran Pekerja-Pekerja di Ankara, dan membantu mentadbirkan skim insuran sosial yang telah ada.

Pada tahun 1962 satu lagi Konvensyen telah diadakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa di Persidangan Buruh Antarabangsa 1962. Konvensyen itu ialah Konvensyen mengenai Layanan Persamaan Warganegara dan Bukan Warganegara dalam Keselamatan Sosial. Konvensyen 1962 ini meluaskan lagi prinsip layanan persamaan seperti yang terkandung di dalam Konvensyen 1952 (No. 102) itu. Konvensyen 1962 telah memasukkan peruntukan-peruntukan mengenai penceg (pension), bayaran tertentu (annuities) dan faedah akibat kematian

yang diberikan kepada waris yang tinggal di luar negeri dengan syarat mereka adalah warganegara negara tersebut. (12) Banyak negara-negara anggota yang telah menerima kedua Konvensyen ini.

Dengan bantuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah membuat kajian mengenai kos yang digunakan oleh negara-negara anggota bagi mengadakan perkhidmatan kesihatan di dalam skim keselamatan sosial. Hasil kajian itu telah diberikan kepada negara-negara anggota. Dari situ negara-negara anggota akan dapat mengetahui samada kos untuk perkhidmatan kesihatan mencukupi atau tidak, memandang kepada bilangan pekerja dan taraf ekonomi negara tersebut.

Bantuan teknik ke atas keselamatan sosial juga telah diberikan kepada negara-negara anggota. (13) Di Burma bantuan telah diberikan untuk meluaskan lagi skim keselamatan sosial di negeri itu pada tahun 1969. Satu rombongan pakar telah dihantar ke Taiwan pada tahun 1965 untuk memberi nasihat mengenai masaalah kewangan di dalam pentadbiran skim keselamatan sosial di negara itu. Pada tahun 1958 satu utusan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah dihantar ke Indonesia bagi menuahkan skim insuran kesihatan

(12) International Labour Review: Reflection On Fifty Years of Social Security - Geneva: Published by International Labour Office - 99 (1969)

(13) Opcit

(54)

dengan percuma. Skim insuran sosial juga telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di Iraq dan Iran. Di negeri Thai pakar-pakar telah membantu negara tersebut di dalam menubuhkan skim gaji bagi pekerja yang sakit dan yang sedang bersalin serta skim perkhidmatan kesihatan.

Kesimpulannya peranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di bidang keselamatan sosial ialah dengan hanya memberi bantuan teknik, menghantar pakar-pakar dan mengesyurkan negara-negara anggota supaya mengadakan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan sosial.

MASA BEKERJA

Panjangnya masa bekerja adalah penting di dalam menentukan kesihatan pekerja. Oleh sebab itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) memandang berat perkara tersebut.

Pada tahun 1919 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah meluluskan konvensyen mengenai Hak Waktu Kerja. Di dalam Konvensyen itu telah ditetapkan bahawa waktu bekerja di dalam perusahaan mestilah tidak lebih dari 8 jam sehari atau 48 jam seminggu.

Pada tahun 1930 dengan lulusnya satu Konvensyen 1930 - waktu bekerja seperti yang diberikan oleh Konvensyen 1919 telah diluaskan kepada pekerja-pekerja dalam perdagangan (commerce) dan pejabat.

Walau bagaimana pun Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah mengkaji semula kedua Konvensyen di atas. Oleh sebab

(55)

itu satu Jawatankuasa Tripartite telah ditubunkan bagi membincangkan soal untuk menurunkan masa bekerja kepada 40 jam seminggu. Jawatankuasa tersebut diminta mengkaji dan mencari jalan bagi menghadkan masa bekerja samada melalui perundangan (legislation), perjanjian bersama atau melalui kedua-duanya sekali. Hasil dari kajian Jawatankuasa ini satu Konvensyen mengenai Had Waktu Bekerja telah diluluskan pada tahun 1935. Dengan Konvensyen ini waktu bekerja diturunkan dari 48 jam seminggu menjadi 40 jam seminggu.

Menurut lapuran Pengurus Agung⁽¹⁴⁾ banyak negara-negara anggota telah menurunkan masa bekerja hingga menjadi 40 jam seminggu. Sehingga ke hari ini tidak ada perjanjian mengenai masa bekerja minima yang dapat diterima di perengkat antarabangsa. Tegasnya masa bekerja bergantung kepada fakta-fakta ekonomi dan sosial sesebuah negara.

Walau bagaimana pun melalui perbincangan yang diadakan di dalam Persidangan Buruh Antarabangsa tahun 1958 dan 1960, negara-negara anggota pada dasarnya telah menerima diantara 44 - 48 jam seminggu sebagai masa bekerja yang maksima.

PERUMAHAN

Perisytiharan Hak Asasi Manusia tahun 1948 memberi hak kepada pekerja-pekerja untuk mendapatkan tempat tinggal yang baik untuk mencapai taraf hidup yang tinggi.⁽¹⁵⁾ oleh

(14) Lihat Lapuran Pengurus Agung PBA kepada PBB - Lapuran Ke 10 (1958 - 1959) Geneva: Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa 1959.

(15) Lihat Artikel 25 (1)

sebab itu adalah menjadi tanggongjawab Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk memberikan sistem perumahan yang baik kepada negara-negara anggota.

Di bawah rancangan bersama antara Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa di bidang perumahan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah diiktisab sebagai satu pertubuhan yang boleh memainkan peranan penting di bidang ini, terutama mengenai perumahan pekerja-pekerja.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perumahan telah dimasukkan dari semasa kesemasa di dalam konvensyen-konvensyen (Conventions) dan syor-syor (Recommendations) sejak tahun 1921. Berbagai aspek mengenai perumahan pekerja telah dibincangkan di dalam persidangan-persidangan serantau (regional conferences) dan di dalam perjumpaan-perjumpaan Jawatankuasa Perusahaan (Industrial Committee). Perbincangan hangat telah diadakan apabila Persidangan Buruh Antarabangsa membincangkan lapuran Pengurus Agung pada tahun 1954. (16)

Pada tahun 1957, Persidangan Buruh Antarabangsa telah meluluskan satu resolusi mengenai pembinaan rumah (housing construction) yang diantaranya meminta Badan Pemerintah (governing body) untuk menimbangkan perkara penempatan perumahan pekerja di dalam ajenda persidangan-persidangan buruh di tahun-tahun akan datang. Berikut dari resolusi

(16) Lihat: "A General Discussion on Workers' Housing Problem" Lapuran tahun 1955

tersebut, masaalah perumahan pekerja telah sekali lagi di bincangkan di dalam Persidangan Buruh Antarabangsa tahun 1960.

Di dalam persidangan 1960 itu banyak perkara-perkara telah dibincangkan. Diantara perkara-perkara tersebut ialah keadaan sosial dan masaalah ekonomi yang timbul akibat dari perumahan pekerja, penempatan perumahan yang sesuai dengan tempat bekerja, mobiliti buruh dan penempatan untuk mereka dan pentingnya perumahan di dalam kestabilan ekonomi dan sosial pekerja-pekerja. Persidangan itu juga telah menyeru negara-negara anggota supaya membina rumah-rumah harga murah bagi pekerja yang berpendapatan rendah. Seruan ini telah disambut baik oleh negara-negara anggota contohnya Malaysia dan Singapura.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga membekalkan bantuan teknik di bidang perumahan. Contohnya dengan kerjasama Pertubuhan Negara-Negara Amerika (Organization of American States) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah membantu Pusat Perumahan Amerika Selatan di Bogota dan Columbia⁽¹⁷⁾ membuat projek-projek perumahan bagi pekerja di negara tersebut. Pakar-pakar di dalam kerja pembinaan juga telah dihantar ke pusat tersebut bagi menolong menyediakan plan-plan bangunan.

(17) Lihat Lapuran Pengurus Agung ILO Kepada PBB (1958 - 59)
m.s. 46

Pakar-pakar di dalam pembinaan dan kejuruteraan sivil telah menjalankan kerja-kerja yang melibatkan latihan kejuruteraan dan pembinaan di Israel sejak tahun 1950an. Pada tahun 1958 beberapa orang pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dari Peru telah dihantar ke negara-negara Asia untuk mengkaji teknik kerjasama perumahan. Mereka berada di negara-negara Asia itu selama enam bulan dan perbelanjaan mereka ditanggong oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga telah dihantar ke Pusat Latihan Vokesyenal Bandung di Jakarta pada tahun 1960 bagi melatih peserta-peserta di Pusat itu di bidang pembinaan bangunan.